

DATE: 23/03/2008

Pemimpin tolak DEB pengkhianat – Ezam

Oleh HERMAN HAMID

KUALA LUMPUR 21 Mac – Pengerusi Gerakan Anti Rakyat Korupsi (Gerak), Ezam Mohd. Noor (**gambar**) membidas pemimpin yang mengaitkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai faktor berlakunya rasuah, penyelewengan dan kronisme dengan mendakwa golongan ini sebagai pengkhianat.

Beliau berkata, mereka yang berusaha menghapuskan DEB juga disifatkannya sebagai suatu tindakan yang bukan sahaja tidak adil kepada dasar itu sendiri tetapi perbuatan curang dan berniat jahat.

“Sebab itu, Gerak menuntut semangat negarawan bagi setiap pemim-

pin politik dengan tidak meletakkan cita-cita merebut kuasa di suatu tahap sehingga sanggup merosakkan kestabilan dan keharmonian masyarakat.

“Mengapa mewujudkan kebencian meluap kepada suatu dasar yang penting sedangkan dasar itulah berperanan dalam mengekalkan kestabilan negara selama ini,” katanya dalam kenyataan akhbarinya di sini hari ini.

Isu berkenaan DEB menjadi hangat apabila kerajaan Pulau Pinang yang diterajui DAP dengan jelas menolak dasar tersebut dalam pentadbiran mereka kerana mendakwa ia punca rasuah dan kronisme.

Langkah itu menimbulkan pelbagai bantahan orang Melayu dan ia bertambah panas apabila kerajaan

baru di Selangor yang diterajui Parti Keadilan Rakyat (PKR) turut menyatakasikan hasrat yang sama.

Bagaimanapun, Pas yang menguasai dua negeri yang lain bertegas menerima DEB dan masa yang sama akan menangani kelemahan yang mungkin wujud dalam pelaksanaan dasar tersebut.

Sehubungan itu Ezam yang juga bekas Ketua Angkatan Muda PKR menyeru semua pihak menghentikan segera sebarang usaha meniupkan api kemarahan rakyat dengan mengaitkan seluruh beban rasuah kepada DEB.

Katanya, perbuatan seumpama itu hanyalah untuk mempertingkatkan kebencian rakyat terhadap DEB yang merupakan suatu perbuatan yang ti-

dak bertanggungjawab sama sekali.

“Justeru, Gerak mengingatkan para pemimpin politik tidak mengagadai masa depan bangsa dan negara hanya atas nafsu yang meluap untuk berkuasa.

“Gerak ingin mengingatkan parti-parti politik untuk tidak terus diheret dengan nafsu hanya untuk berkuasa sehingga melakukan ketidakadilan kepada sebuah dasar yang telah dibentuk.

“Memang terdapat kelemahan pentadbiran di dalam persoalan rasuah termasuk budaya rasuah yang wujud disebabkan oleh sifat pemimpin yang tidak amanah dan badan penguatkuasaan seperti Badan Pencegah Rasuah yang masih terbatas kuasanya,” jelasnya.

Um - 22/3/2008

